

# **MBPK PPKI SSN SMK MUTIARA MENANG EXCELLENCE ETOOL PRESENTATION AWARD DALAM PROGRAM GITC 2023**



Disediakan oleh: Nurazimah Binti Anuar


Peserta murid berkeperluan khas (MBPK) Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Sukan Negeri (SSN) SMK

Mutiara, adik Shirlene Goh Xue Lin telah berjaya memenangi *Excellence eTool Presentation Award* ketika mewakili Malaysia dalam *Global IT Challenge for Youth with Disabilities* (GITC) 2023 yang telah dijalankan secara hibrid, iaitu atas talian dan bersemuka di Abu Dhabi, UAE pada 24 -28 Oktober 2023 yang lalu. Adik Shirlene telah mewakili Malaysia secara atas talian ke pertandingan *eTool\_Presentation* dan *eLifeMap* dalam *Global IT Challenge for Youth with Disabilities* (GITC) 2023 serta berjaya mendapat Tempat Kedua (*Excellence Award*) bagi pertandingan *eTool\_Presentation*.

Program GITC merupakan satu projek tahunan yang dianjurkan oleh *GITC Organizing Committee, LG Electronics, ZHO* sejak tahun 1990 untuk mengukuhkan keupayaan ICT dalam kalangan belia berkeperluan khas disamping mewujudkan asas bagi kemajuan sosial dan meningkatkan kesedaran kebolehcapaian digital belia berkeperluan khas. Pada tahun 2023, program ini telah mengadakan 3 pertandingan secara individu iaitu *eTool\_Presentation*, *eTool\_Excel*, dan *eLifeMap* serta 3 pertandingan secara berkumpulan iaitu *eContent*, *eCreative\_Smart Car* dan *eCreative\_IOT*. Pertandingan – pertandingan ini menguji keupayaan belia dalam penggunaan aplikasi asas komputer seperti Power Point, Excel dan pelbagai lagi. Selain itu, pertandingan ini turut menguji kemampuan belia untuk membuat inovasi yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian, khususnya bagi golongan berkeperluan khas

Bagi tahun 2023, Kementerian Kesihatan dan Kebajikan (*Republic of Korea*), *LG*, serta Kerajaan Abu Dhabi telah dilantik sebagai tuan rumah untuk melaksanakan program ini. Program kali ini telah disertai oleh 1700 orang peserta daripada 18 buah negara diperingkat saringan dan hanya 461 orang daripadanya telah berjaya untuk masuk kepusingan akhir. Selain adik Shirlene, adik Muhammad

Yusrri Ramli, juga MBPK SSN SMK Mutiara bersama 200 MBPK seluruh Malaysia turut mewakili Malaysia ke pusingan akhir dalam pelbagai pertandingan. Keputusan keseluruhan menunjukkan Pasukan Malaysia telah berjaya merangkul 9 *Best Award*, 10 *Excellence Award*, 5 *Good Award* dan *IT Team Leader Award* daripada 50 anugerah yang disampaikan.



**Gambar 1 : Shirlene ketika mengikuti taklimat peserta pertandingan dalam GITC 2023, 26 Oktober 2023.**



Gambar 2 : Shirlene berjaya mendapat tempat kedua (Excellence Award) dalam pertandingan eTool\_Presentation